



TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN, PENOLAKAN TUNTUTAN DAN POLISI PAUTAN

1. Pengakuan dan Penerimaan Syarat-syarat Am

Laman web ini yang boleh diakses di <https://felcra.com.my> dan klik pada pautan “Transformasi” (“Laman web”) dimiliki oleh FELCRA Berhad (“FELCRA Berhad”). Akses pengguna kepada Laman web, dan penggunaan kandungan di dalam Laman web dan/atau apa-apa maklumat dalam apa-apa bentuk yang didapati daripada Laman web ini adalah tertakluk kepada penerimaan terma-terma dan syarat-syarat penggunaan yang terkandung selepas ini.

Penggunaan Laman web ini menunjukkan persetujuan dan penerimaan anda terhadap terma-terma dan syarat-syarat penggunaan yang terkandung selepas ini. Jika anda tidak menerima syarat penggunaan ini, sila jangan menggunakan Laman web ini atau memuat turun sebarang material dari laman web ini.

2. Harta Intelekt dan Tuanpunya Hak

Bahan yang dipamerkan dan terkandung dalam Laman web ini, yang mungkin termasuk (tanpa had) semua maklumat, data, bahan, grafik, harga atau maklumat lain serta apa-apa program perisian yang boleh didapati di atau melalui Laman web (“kandungan” atau “kandungan-kandungan” berdasarkan konteks), adalah dilindungi oleh hak cipta, tanda niaga dan/atau undang-undang harta intelek lain, kecuali dinyatakan sebaliknya. Semua hak, hakmilik dan kepentingan berkaitan dengan kandungan adalah dimiliki, dilesenkan kepada atau dikawal oleh FELCRA Berhad.

Nama ‘FELCRA Berhad’ dan logo FELCRA Berhad, termasuk nama dan logo syarikat, adalah tanda niaga FELCRA Berhad. Semua tanda lain, nama niaga, nama produk dan logo yang terkandung dalam Laman web diguna hanya untuk editorial sahaja tanpa apa-apa niat untuk melanggar hak dan adalah bagi manfaat pemilik nama produk dan logo masing-masing.

Pengguna mengakui bahawa Laman web dan kandungan-kandungannya, termasuk tetapi tidak terhad kepada teks, foto, grafik dan apa-apa aplikasi audio dan video, adalah direka bentuk dan dipersembahkan oleh FELCRA Berhad dalam suatu format dan bentuk yang khusus untuk FELCRA

Berhad. FELCRA Berhad adalah dilindungi oleh hak cipta, tanda dagang dan/atau undang-undang harta intelek terpakai yang lain.

Pengguna boleh melihat Laman web dan kandungan-kandungannya dan mencetak satu salinan Laman web, atau sesuatu bahagian daripada Laman web, hanya untuk penggunaan peribadi dan bukan penggunaan komersial, penyelidikan atau maklumat.

Melainkan yang dinyatakan di atas, Pengguna dilarang menyalin, menyimpan (sama ada dalam bentuk salinan keras atau dalam sistem perolehan kembali elektronik), memuat turun, menghantar, memindah, menerbit, mengeluarkan semula, menyiar, mempamer, mengedar, menjual, melesenkan apa-apa bahagian daripada kandungan-kandungan kepada pihak ketiga sama ada untuk tujuan komersial, untuk manfaat kewangan atau sebaliknya, tanpa kebenaran bertulis FELCRA Berhad terlebih dahulu.

3. Had Liabiliti dan Penolakan Tuntutan

FELCRA Berhad akan menggunakan ikhtiar yang munasabah untuk memastikan bahawa maklumat yang terkandung di dalam Laman web dan kandungan-kandungannya adalah tepat, betul dan diperoleh daripada sumber yang diyakini boleh dipercayai. Walau bagaimanapun, pengguna mestilah mengambil maklum bahawa kelewatan, ketinggalan atau ketidaktepatan mungkin berlaku akibat daripada kerosakan semula jadi komunikasi elektronik. Peruntukan maklumat dalam Laman web dan kandungan-kandungannya, termasuk bahan yang terkandung dalam pengumuman, adalah disediakan kepada Pengguna atas dasar "sedia ada" tanpa apa-apa representasi atau jaminan dalam apa jua bentuk.

FELCRA Berhad menolak semua jaminan nyata, tersirat dan statutori dalam apa jua bentuk kepada Pengguna atau pihak ketiga berkenaan Laman web atau kandungan-kandungannya, termasuk tanpa had, representasi dan jaminan yang berkenaan dengan ketepatan, ketepatan masa, kekinian, kelengkapan, tanpa pelanggaran, kebolehdagangan, kebolegunaan maklumat untuk apa jua tujuan, atau apa-apa representasi atau jaminan yang timbul daripada penggunaan atau perdagangan atau oleh operasi undang-undang.

FELCRA Berhad tidak akan dalam apa jua keadaan bertanggungjawab kepada Pengguna atau pihak ketiga untuk apa-apa kerugian atau kecederaan yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada kontingensi di luar kawalannya dalam perolehan, penyusunan, pentafsiran, penyuntingan, pelaporan atau penyampaian Kandungan-kandungan atau sebahagian daripadanya.

FELCRA Berhad menolak apa-apa liabiliti berkenaan dengan akibat daripada apa-apa kesilapan atau ketinggalan. FELCRA Berhad tidak akan bertanggungjawab dalam mana-mana keadaan berkenaan dengan apa-apa tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Laman web atau kandungan-kandungannya termasuk, tetapi tidak terhad kepada, apa-apa keputusan yang dibuat atau tindakan yang diambil oleh Pengguna kerana bergantung pada kandungan berkenaan, atau kerosakan yang dialami, sama ada secara langsung, akibat, khas, punitif, tersirat atau sebaliknya, meskipun telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan berkenaan.

4. Bahasa

Kandungan versi Bahasa Inggeris di dalam Laman web akan digunapakai dan akan mengatasi versi Bahasa Malaysia sekiranya terdapat ketidakseragaman di antara versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Malaysia atau kedua-duanya. FELCRA Berhad menolak apa-apa dan semua liabiliti yang timbul dari atau berkenaan apa-apa penggunaan, penyalahgunaan atau pergantungan kepada versi-versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

5. Polisi Pautan

Pengguna diminta untuk mengambil maklum bahawa semua pautan daripada Laman web ("Laman Pautan") adalah disediakan untuk kemudahan Pengguna sahaja.

Maklumat dan kandungan yang boleh dilihat oleh Pengguna di Laman Pautan, termasuk apa-apa pindaan atau kemas kini, adalah tidak dikawal, dikaji atau diluluskan oleh FELCRA Berhad dan tidak boleh dianggap sebagai diberikan oleh FELCRA Berhad. Pengguna diminta untuk mengambil maklum bahawa FELCRA Berhad tidak bertanggungjawab atas, dan juga tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan dalam apa jua bentuk atas kandungan Laman Pautan.

Kemasukan hiperpautan kepada Laman Pautan bukan petunjuk pengesahan oleh FELCRA Berhad atas Laman Pautan atau mana-mana bahagian kandungannya. FELCRA Berhad dengan nyata menolak apaapa liabiliti bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh Pengguna atau mana-mana pihak ketiga, yang timbul daripada, yang berkaitan dengan atau ekoran daripada pautan ini.

FELCRA Berhad berhak pada bila-bila masa dan atas budi bicaranya untuk menamatkan mana-mana pautan yang tidak sah atau rangka daripada Laman web.

6. Pautan kepada Laman Web

Pertubuhan pautan kepada Laman web adalah sentiasa tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan selepas ini.

Pautan mestilah pautan teks sahaja yang ditanda dengan jelas "Laman web FELCRA Berhad" dan mesti menunjuk kepada URL <https://felcra.com.my> dan klik pautan pada sub tajuk "Transformasi".

Pengguna mestilah mengambil tindakan yang perlu untuk memastikan yang berikut:-

- a. bahawa pautan atau mana-mana bahagian daripadanya tidak merosakkan atau mengurangkan nama baik yang dikaitkan dengan nama dan tanda-tanda FELCRA Berhad, dan di mana berkaitan;
- b. bahawa pautan atau mana-mana bahagian daripadanya tidak mewujudkan atau memberikan gambaran palsu yang dikaitkan dengan atau ditaja oleh FELCRA Berhad. Sehubungan itu, kewujudan pautan tidak boleh pada bila-bila masa dijadikan petunjuk kepada pengesahan FELCRA Berhad atau kerjasama FELCRA Berhad dengan laman web yang dipaut;
- c. bahawa pautan itu, bila diaktifkan, mestilah mempamerkan Laman web dalam format skrin penuh dan tidak di dalam rangka di dalam laman web yang dipaut;
- d. bahawa Laman web atau kandungan-kandungannya mestilah tidak dipaut atau dirangka kepada mana-mana laman yang mengandungi kandungan yang tidak sesuai, tidak senonoh, memfitnah, menghina, lucah, sumbang, atau tidak mematuhi undangundang, atau kandungan yang melanggar mana-mana hak cipta, tanda dagang, harta intelek atau undang-undang privasi.

Penggunaan nama atau tanda FELCRA Berhad selain daripada yang dinyatakan adalah dibenarkan tanpa keizinan bertulis yang dinyatakan oleh FELCRA Berhad terlebih dahulu.

FELCRA Berhad tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh Pengguna atau mana-mana pihak ketiga yang timbul daripada pautan dari Laman web itu. Oleh itu, FELCRA Berhad berhak untuk mencari penyelesaian yang sedia ada dari segi undang-undang atau dalam ekuiti untuk apa-apa pelanggaran atau kemungkiran terma-terma pautan.

FELCRA Berhad berhak pada bila-bila masa dan mengikut budi bicaranya tanpa perlu memberi apaapa sebab, untuk menarik balik kebenarannya kepada mana-mana pautan atau rangka bagi Laman web atau kandungan-kandungannya dan akan mengambil tindakan sewajarnya berkaitan perkara itu, termasuklah tetapi tidak terhad kepada pembatalan dan penamatan apa-apa pautan atau rangka.

Walau apa pun yang terkandung di sini sebelum ini, pautan kepada apa-apa bahagian atau bahagian spesifik kandungan-kandungan tidak dibenarkan pada bila-bila masa, kecuali ditentukan sebaliknya dengan nyata oleh FELCRA Berhad.

7. Pengiklanan

Laman web ini mungkin mengandungi iklan-iklan atau apa-apa maklumat dan bahan tentang produk atau perkhidmatan yang berkaitan dengan atau disediakan oleh pihak ketiga ("Maklumat Pihak Ketiga"). Maklumat Pihak Ketiga mungkin mengandungi hiperpautan terbenam kepada laman web yang dimiliki dan dijalankan oleh pihak ketiga yang relevan atau pemegang lesen atau agen mereka. FELCRA Berhad tidak membuat representasi atau jaminan dalam apa-apa bentuk berhubungan dengan Maklumat Pihak Ketiga, dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang timbul daripada apa-apa tindakan, kesalahan atau ketinggalan yang timbul daripada Maklumat Pihak Ketiga, atau laman web pautan pihak ketiga yang relevan.

FELCRA Berhad pada bila-bila masa tidak mengesyorkan, mengesahkan atau menawarkan produk atau perkhidmatan yang diiklankan melalui maklumat Pihak Ketiga. Pengguna mestilah mengakui bahawa produk atau perkhidmatan berkenaan tidak ditawarkan oleh FELCRA Berhad, dan FELCRA Berhad tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa produk atau perkhidmatan yang dibeli di laman web pihak ketiga.

8. Perubahan kepada Laman web/Kandungan/Terma-terma & Syarat-syarat

FELCRA Berhad berhak pada bila-bila masa dan atas budi bicaranya untuk mengkaji semula, mengubah atau meminda kandungan-kandungan dan/atau terma-terma dan syarat-syarat penggunaan seperti yang terkandung di sini. Penggunaan berterusan Laman web oleh Pengguna berikutan apa-apa kajian semula, perubahan, pemindaan akan dianggap sebagai penerimaan, dan persetujuan untuk diikat oleh terma-terma dan syarat-syarat yang telah dikaji semula, diubah dan dipinda tersebut.

9. Pelanggaran Terma-terma & Syarat-syarat

FELCRA Berhad berhak untuk mencari apa-apa penyelesaian yang sedia ada dalam undang-undang atau ekuiti bagi apa-apa pelanggaran terma-terma dan syarat-syarat ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada hak untuk menghalang akses Pengguna yang melanggar terma-terma dan syarat-syarat

tersebut, kepada Laman web. FELCRA Berhad juga berhak untuk menentukan sama ada Pengguna telah melanggar terma-terma dan syarat-syarat di sini.

10. Undang-undang Terpakai

Terma-terma dan syarat-syarat ini dikawalselia, ditafsirkan dan dikuatkuasa mengikut undang-undang Malaysia.